

Kertas Bil. 19/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN
1 - 5 DISEMBER 2014**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERKENAAN GOLONGAN GELANDANGAN
KERTAS BILANGAN 37/2014**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
2.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN BERKENAAN GOLONGAN GELANDANGAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerajaan Negeri perlu membuat kajian terperinci mengenai bantuan yang perlu diberikan kepada golongan ini supaya dapat menyelesaikan masalah mereka. 2. Kerajaan Negeri juga perlu melakukan kajian yang menyeluruh di peringkat DUN (Dewan Undangan Negeri) dan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). 3. Kerajaan Negeri harus menyediakan peruntukan yang khusus untuk membantu golongan gelandangan ini. 4. Kerajaan Negeri harus mengambil pendekatan yang proaktif dan bersifat pencegahan untuk membetulkan persepsi di kalangan orang ramai supaya komuniti setempat lebih inklusif dan ini membantu golongan gelandangan mempunyai pendirian yang positif dan ingin menyumbang. 	<p>✓</p> <p>✓</p>	<p>✓</p> <p>✓</p>	<p>Kajian terperinci diperlukan bagi proses pengumpulan dan analisis data untuk mengenalpasti permasalahan serta keperluan golongan gelandangan ini diseluruh daerah dan kawasan PBT.</p> <p>Peruntukan serta cadangan program advokasi dan kesedaran akan dikenalpasti setelah hasil analisis data dan kajian dijalankan agar pendekatan yang diambil mengikut fokus dan sasaran yang akan ditentukan kelak.</p>


Y.B. PUAN DR. DARFYAH BINTI ALWI
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
 (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan,
 Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
 Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan